

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK : WIFI SMART SELANGOR**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk WiFi Smart Selangor pada tahun 2017, 2018 dan 2019.
  - Adakah Kerajaan Negeri bercadang memohon Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP Fund) bagi menampung kos perbelanjaan WiFi Smart Selangor? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**JAWAPAN:**

- Jumlah pembayaran yang dibiayai oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) kepada syarikat-syarikat pengendali perkhidmatan (*Service Provide “SP”*) projek perkhidmatan percuma awam WiFi Smart Selangor dari Januari-2017 sehingga September-2019 adalah seperti berikut:

	Pembayaran			Jumlah Pembayaran
	Tahun 2017	Tahun 2018	Jan-Sep 2019	
Jumlah (RM)	10,765,158.02	12,551,601.29	6,457,109.77	29,773,869.08

- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah meluluskan permohonan lesen *Network Facilities Provider NFP* dan *Network Service Provider NSP* kepada SMARTSEL, hanya pada Julai-2019. Memandangkan SMARTSEL masih baru menerima lesen-lesen tersebut, SMARTSEL masih belum memenuhi syarat-syarat asas untuk memohon dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (*USP Fund*) daripada SKMM.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : KAWASAN PELANCONGAN DUN BATANG KALI**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan pusat hentian di lokasi pelancongan khususnya jalan utama ke Genting Highland bagi bas persiaran supaya pelancang dapat membeli produk IKS tempatan?
  
- b) *Sub-soalan telah di tolak*

**JAWAPAN:**

- a) Pihak MDHS mempunyai cadangan untuk mewujudkan pusat hentian pembelian barang IKS daerah. Walaubagaimanapun pihak MDHS masih mengenalpasti lokasi yang strategic untuk dijadikan lokasi hentian bagi produk iks daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING**  
**(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : EAST COAST RAIL LINE (ECRL)**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila beri maklumat terkini tentang projek ECRL khasnya landasannya di Negeri Selangor.
- b) Berapa stesen akan dibangunkan di Selangor? Apakah manfaat projek ini untuk Kerajaan dan rakyat Selangor?

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) dijawab bersekali

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merupakan projek Kerajaan Persekutuan yang akan melalui sebahagian kawasan di dalam Negeri Selangor apabila penjajaran semula laluan diputuskan setelah rundingan semula diperingkat Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat China serta pihak China Communications Construction Company Ltd. (CCCC) diadakan.

Berdasarkan kajian teknikal yang dijalankan di antara pemilik projek yang dilantik Kerajaan iaitu Malaysia Rail Link (MRL) dan CCCC, perubahan jajaran ECRL melibatkan jajaran di antara Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Terengganu dan jajaran di antara Mentakab, Pahang ke Pelabuhan Klang, Selangor. Jajaran baru ECRL tidak akan melalui kawasan sensitif di Negeri Selangor iaitu Permatang Kuartz yang dirancang untuk dinobatkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Selain itu, jajaran baru dari Mentakab ke Pelabuhan Klang akan melalui daerah Jelebu, Negeri Sembilan juga berjaya mengurangkan kuantiti kerja-kerja rawatan tanah dan bilangan terowong serta laluan bertingkat yang perlu dibina sekaligus mengurangkan kos keseluruhan projek.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan jajaran baru yang dicadangkan ECRL hanya melibatkan sebuah stesen di dalam Negeri Selangor iaitu di Jenjarom dan sebuah terminal di Pelabuhan Klang.

Walau bagaimanapun, pihak MRL perlu membentangkan semula cadangan projek ini setelah jajaran yang diperlukan telah dikenalpasti untuk dipertimbangkan diperingkat Kerajaan Negeri sebelum pelaksanaan bermula.

Pelaksanaan projek ini mampu memberi manfaat secara tidak langsung kepada rakyat terutamanya dalam pertumbuhan ekonomi setempat serta mempertingkatkan pembangunan ekonomi negeri khususnya pelaburan di dalam sektor-sektor perindustrian disepanjang jajaran yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG**  
**(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK : RANGKA KERJA BANDAR RENDAH KARBON (LCCF)**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan PBT yang berjaya mendapat pengiktirafan Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon (LCCF) di Selangor.
  - Nyatakan kaedah-kaedah pengurangan karbon yang diwujudkan oleh PBT di Selangor dan keberkesanannya.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, senarai Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor yang berjaya mendapat pengiktirafan Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon (LCCF) di Selangor adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>PENGIKTIRAFAN RANGKA KERJA BANDAR RENDAH KARBON (LCCF)</b>
1.	<b>MBSA</b>	MBSA bersama tujuh (7) rakan strategik telah berjaya menerima pengiktirafan dari Pihak MESTECC di atas pencapaian <i>Low Carbon Cities Challenge</i> di mana MBSA mendapat 11
	<b>PBT</b>	<b>PENGIKTIRAFAN RANGKA KERJA BANDAR RENDAH KARBON (LCCF)</b>
		anugerah bagi dua (2) kategori yang dipertandingkan. MBSA sendiri telah mendapat 2 diamond iaitu bagi kategori Zon Pusat Bandar, Seksyen 14, Shah Alam dan kategori Bangunan Wisma MBSA.
2.	<b>MBPJ</b>	MBPJ telah menerima Provisional Certificate for Low Carbon Cities Framework oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA) dan GreenTech Corporation di Persidangan Antarabangsa Greentech (IGEM) seperti berikut:- 1) 2 Diamond Design Category bagi Seksyen 13 2) Provisional Certificate bagi Seksyen 13 dan Pusat

		Bandar Seksyen 52 3) GreenPASS SEDA 2 Diamond bagi Ibu Pejabat MBPJ
<b>3.</b>	<b>MPK</b>	MPK telah menerima pengiktirafan: 1) Provisional Certificate tahun 2017 2) Diamond Certification ( 2 Diamond ) Tahun 2018
<b>4.</b>	<b>MPSJ</b>	MPSJ telah menerima Provisional Certificate (Low Carbon Zone), Bandar Sunway
<b>5.</b>	<b>MPS</b>	MPS telah menerima Provisional Certificate Low Carbon Cities Framework dari KeTTHA
<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>PENGIKTIRAFAN RANGKA KERJA BANDAR RENDAH KARBON (LCCF)</b>
<b>6.</b>	<b>MPAJ</b>	MPAJ telah menerima pengiktirafan Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon
<b>7.</b>	<b>MPKJ</b>	MPKJ telah menerima Sijil Pengiktirafan Low Carbon Cities 2030 Challenge sebanyak 4 Diamond
<b>8.</b>	<b>MPSP</b>	MPSP telah menerima keseluruhan 13 Diamond dibawah 4 elemen iaitu : 1. Tenaga – 4 Diamond 2. Sisa pepejal – 3 Diamond 3. Pengangkutan – 4 Diamond Hijau – 2 Diamond
<b>9.</b>	<b>MDKL</b>	MDKL telah menerima Privinsional Certificate
<b>10.</b>	<b>MDHS</b>	MDHS telah menerima pengiktirafan Diamond bagi Zon Bandar Kuala Kubu Bharu dan Provisional Certificate untuk kategori Partner Bagi Ibu Pejabat Majlis Daerah Hulu Selangor

- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pelbagai inisiatif perlu dilakukan di dalam pelaksanaan Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon (LCCF) antaranya:

PBT	INISIATIF PENGURANGAN KARBON	TAHAP KEBERKESANAN
<b>MBSA</b>	Tiada	Tiada
<b>MBPJ</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ekonomi dan Insentif e.g Skim Rebat Cukai Taksiran, Tempat Letak Kereta Percuma selama 1 Tahun bagi kereta Hibrid/elektrik, pemasangan lampu LED di lorong belakang.</li> <li>ii. Kesukarelawan e.g Pengkomposan Isirumah, Urban Farming, ISO 14001, Ekomobiliti, Pengasingan Sampah dan Kitar Semula, Keberkesanan Tenaga dibangunan.</li> <li>iii. Perundungan e.g Akreditasi bangunan Hijau, Sistem Pengumpulan Air Hujan, Kolam Tadahan Air, Lampu LED, Kawasan Hijau 15%, Bebas Straw Plastik (masih awal lagi)</li> <li>iv. Sosial e.g Karung Kitar, Food Bank</li> </ul>	
<b>MPK</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Membina Sistem Green Earth Smart System MPK bagi merancang, merekod, mengukur, menganalisis perlaksanaan rendah karbon di Majlis Perbandaran Klang</li> <li>ii. Menyediakan pelan tindakan Majlis Perbandaran Klang secara <i>in house</i>.</li> </ul>	<p>Sistem Ges Mpklang memberi impak positif kepada semua pihak berkepentingan dalam mencapai Klang Bandar Rendah Karbon 2027, antaramya adalah :-</p> <p>Memaparkan penglibatan dan penyertaan agensi, sekolah dan komuniti yang terlibat sama dalam bandar rendah karbon melalui penandaan kawasan berwarna hijau dan ikon ‘Star’</p>

		<p>a) Menggalakan penglibatan secara sihat diantara agensi, sekolah dan komuniti dalam membudaya dan amalan rendah karbon dalam komuniti kehidupan seharian.</p> <p>b) Sehingga kini, penglibatan dan kerjasama daripada pihak-pihak berkepentingan dalam LCC di Majlis Perbandaran Klang adalah seperti berikut :-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Agensi kerajaan – LPK,PTDKlang,IWK, PTGKlang</li> <li>2. Sekolah-sekolah (66 buah sekolah)</li> <li>3. Komuniti JMB – (90 JMB)</li> <li>4. Bangunan ibupejabat Majlis Perbandaran Klang dan Pusat Konvensyen di Bandar Bukit Raja</li> <li>5. Projek pemaju swasta – Biobay Industrial Park, Pulau Indah</li> <li>6. Masjid dan surau</li> <li>7. Projek LRT 3</li> </ol> <p>50% masih kekal sebagai kawasan rendah karbon</p>
<b>MPSJ</b>	i. Implementasi keperluan teknologi hijau (Solar/SPAH/LED) pada pembangunan sedia ada	i. Mensyaratkan penyediaan keperluan teknologi hijau dalam setiap pembangunan

	<p>(retrofitting) dan pembangunan baru</p> <p>ii. Menggalakkan kepada pemilik bangunan yang menggunakan teknologi hijau dan mempunyai 'Rating GBI'</p> <p>iii. Kesedaran Gaya Hidup Rendah Karbon</p> <p>iv. Low Carbon Zone</p>	<p>yang baru.</p> <p>ii. Terdapat 18 bangunan di bawah pentadbiran MPSJ yang telah mendapat pengiktirafan bangunan hijau daripada GBI (Green Building Index)</p> <p>iii. Mewujudkan sekolah bertaraf rendah karbon melalui program generasi bestari (Smart Gen)</p> <p>iv. Menjalankan program hari tanpa kenderaan sebanyak 2 kali setahun</p> <p>v. Bandar Sunway telah mendapat 'Provisional Certificate' (Low Carbon Zone), Bandar Sunway daripada MESTECC.</p> <p>vi. Pengumpulan jumlah sisa yang diproses menjadi tenaga</p> <p>vii. Pengumpulan jumlah sisa diproses menjadi kompos</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Peningkatan kadar kitar semula</li> <li>- Projek SJ riverfront USJ 1 Subang Jaya</li> <li>- Terdapat 12 lokasi pengecas kenderaan 'Electrical Vehicle' (EV Charge)</li> <li>- Terdapat 5 laluan Bas Smart Selangor di awah pentadbiran MPSJ</li> </ul> <p>Terdapat 57 lokasi Kebun Komuniti di MPSJ</p>
<b>MPS</b>	<p>i. Hari Tanpa Kenderaan</p> <p>ii. Kebun Komuniti</p> <p>iii. Program Tanam Pokok</p>	<p>i. Penggunaan tarif tenaga/elektrik dan air dapat dikurangkan.</p>

	<p>iv. Penyediaan SPAH di dalam kompaun MPS</p> <p>v. Program Pengurangan Tenaga elektrik penggunaan didalam bangunan MPS</p> <p>vi. Meletakkan syarat penyediaan sistem SPAH kepada pemaju di dalam surat kelulusan Kebenaran Merancang</p> <p>vii. Penggunaan Solar Panel bagi Roof Top Garden, Menara MPS</p> <p>viii. Penggunaan lampu jimat tenaga (LED)</p> <p>ix. Melaksanakan Kempen Kesedaran Penjimatan Elektrik dalam amalan EKSA</p> <p>x. MPS menggalakkan semua kakitangan mengamalkan Amalan 3R</p> <p>xi. Menggunakan sepenuhnya sistem aplikasi secara online untuk mengurangkan penggunaan kertas</p>	<p>ii. Pengurangan jumlah kenderaan pada hari program dijalankan</p> <p>iii. Menggalakkan masyarakat setempat bercucuk tanam</p> <p>iv. Dapat mengurangkan kesan pemanasan rumah hijau</p> <p>v. Mengurangkan kesan buruk ke atas perubahan iklim</p> <p>vi. Menerapkan budaya rendah karbon dikalangan kakitangan MPS.</p> <p>vii. Dapat mengurangkan pelepasan karbon bagi meningkatkan kualiti alam sekitar</p>
<b>MPAJ</b>	<p>i. Dalam pengurangan karbon, MPAJ telah menyediakan Pelan Tindakan Ampang Jaya Bandar Rendah Karbon pada tahun 2016 yang mengandungi polisi, matlamat, strategi dan perancangan pelaksanaan untuk mencapai sasaran penurunan GHG 30% pada tahun 2022 dan 25% GHG pada tahun 2030.</p> <p>ii. Kaedah penurunan GHG dibuat sepertimana digariskan dalam Pelan Tindakan dan mengikut panduan yang dikeluarkan oleh GreenTech Malaysia seperti penggunaan sistem LCCF Track untuk mengukur kadar pelepasan</p>	Penurunan pelepasan karbon sebanyak 13.34% atau 416.86 tan karbon melibatkan Menara MPAJ, Pandan Indah (BRK 1) pada 2019

	<p>GHG.</p> <p>iii. Dalam skop Negeri Selangor, pihak UPEN telah menyediakan Pelan Tindakan Teknologi Hijau yang digunakan di MPAJ dan PBT lain.</p> <p>iv. Pembangunan Kebun Komuniti</p>	
<b>MPKJ</b>	<p>i. Pihak MPKj telah menjalankan program pengurusan sisa (Program Kompos)</p> <p>ii. Pengasingan Sisa Pepejal dan Kitar Semula)</p> <p>iii. Program Penanaman Pokok,</p> <p>iv. Pengangkutan (Bas Percuma Smart Selangor) dan tenaga (Penggantian Lampu Kepada LED) di Bandar Baru Bangi.</p>	Pihak MPKj telah berjaya mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 817.43 tan Co2 berdasarkan sistem LCCF Track dan dianugerahkan 4 Diamond oleh pihak MESTECC.
<b>MPSP</b>	<p>i. Program penjimatan tenaga</p> <p>ii. Penukaran lampu jalan kepada lampu led</p> <p>iii. Penggunaan basikal elektrik</p> <p>iv. Pembinaan bangunan hijau / low carbon building</p> <p>v. Penggunaan tenaga solar</p> <p>vi. Program kitar semula sisa pepejal</p> <p>vii. Kitar semula minyak terpakai</p> <p>viii. Program Car Free Day</p> <p>ix. Penyediaan laluan basikal dan pejalan kaki</p> <p>x. Penyediaan stesen evCharging bagi kenderaan elektrik</p> <p>xi. Pengubahsuai alatan elektrik kepada alatan jimat tenaga</p> <p>xii. Pemakaian syarat 5% “vertical greenery”</p>	Pengurangan sebanyak 33.69% persamaan 2,647.56 tCO2e dan berpotensi dalam penyerapan karbon sebanyak 8.30% iaitu 3,133.51 tCO2/tahun.
<b>MDKL</b>	<p>i. Menyediakan pelan tindakan bandar rendah karbon yang</p>	Pelbagai inisiatif hijau yang diterapkan melalui projek ini

	<p>memfokuskan kepada empat elemen penghijauan bandar iaitu Infrastruktur, Bangunan, Alam Sekitar, dan Pengangkutan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Menjalankan projek Kerangka Bandar Rendah karbon (Low Carbon City Framework) di Kawasan Industri Teluk Panglima Garang 2019 – 2029.</li> <li>iii. Melaksanakan program-program kempen kitar semula dengan seluruh komuniti di Kuala Langat melalui Kempen #bebasplastik Negeri Selangor.</li> </ul>	sebagai penggalakan ke arah usaha bandar rendah karbon yang melibatkan pelbagai kumpulan komuniti.
<b>MDKS</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Hari tanpa kenderaan</li> <li>ii. Laluan basikal</li> </ul>	Mempromosikan gaya hidup sihat dan mengurangkan penggunaan kenderaan di atas jalan raya yang menyebabkan pelepasan gas karbon monoksida hingga mencemari alam sekitar.
<b>MDHS</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kempen penjimatkan elektrik dan air</li> <li>ii. Kempen Jom Timbang barang kitar semula</li> <li>iii. Penggunaan Lampu LED</li> <li>iv. Program bersama komuniti Hulu Selangor : Hari Tanpa Kenderaan</li> <li>v. Penggunaan teknologi hijau</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penjimatkan penggunaan air dan tenaga</li> <li>ii. Penghasilan sisa domestik berkurangan</li> <li>iii. Peningkatan sisa kitar semula</li> <li>iv. Kesedaran orang ramai pentingnya penjagaan alam sekitar</li> </ul>
<b>MDSB</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pelaksanaan pengurangan kertas mesyuarat ke arah email dan penggunaan tab di dalam mesyuarat jabatan dalaman</li> <li>ii. Penggunaan panel solar bagi menjana elektrik untuk kegunaan tandas awam di Dewan Sri Bernam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penjimatkan kertas</li> <li>ii. Penjimatkan elektrik</li> <li>iii. Mengurangkan sisa plastik dan polisterine</li> <li>iv. Kawasan yang ditanam pokok yang dimaksudkan mencapai sasaran dan mengurangkan risiko yang</li> </ul>

	<p>iii. Melaksanakan Program Sifar Plastik dan Polisterine diperingkat penjaja dan peniaga</p> <p>iv. Program penamanan pokok-pokok teduhan, pokok berembang dan pokok bakau di kawasan perumahan, kawasan berisiko hakisan dan berpotensi untuk pengekalan ekosistem</p>	bakal berlaku
--	---	---------------

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : SUMBANGAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mempunyai suatu pendekatan yang lebih berkesan dalam menangani permohonan kepada ADUN untuk menyalurkan sumbangan penyelenggaraan infrastruktur sekolah di bawah Kementerian Pendidikan? Sumbangan melalui peruntukan ADUN adalah terhad berbanding penyelesaian melalui peruntukan yang diselaraskan oleh Kementerian atau ICU.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan telah melaksanakan program Bantuan sekolah sebagai alternatif kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dan pemilik sekolah untuk mendapatkan bantuan dana penambahbaikan infrastruktur sekolah. Dalam program ini kerjasama yang diperlukan oleh pihak Ahli Dewan Negeri adalah daripada aspek sokongan dan pengesahan permohonan. Bagi pelaksanaan penambahbaikan infrasrtuktur sekolah di bawah Kementerian Pendidikan akan diselaras sepenuhnya oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PRESTASI ANAK SYARIKAT / GLC SELANGOR**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor mana yang paling banyak menyumbang dalam bentuk kewangan kepada Kerajaan Negeri?
- b) Apakah perniagaan yang dijalankan oleh anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor itu?
- c) Adakah anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor mempunyai kpi yang tersendiri?

**JAWAPAN:**

- a) Berikut adalah perincian sumbangan bagi menyokong usaha pembangunan Kerajaan Negeri dan CSR dari Kumpulan MBI setakat 30 September 2019 :-

Bil	Nama Syarikat	Jumlah (RM)
1	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	57,580,230
2	Permodalan Negeri Selangor Berhad	5,925,794
3	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	5,200,000
4	KDEB Waste Management Sdn Bhd	1,113,000
5	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd	58,800
6	SRM Setia Sdn Bhd	5,000
	Jumlah	69,882,824

- b) MBI ditubuhkan untuk mentadbir aset dan pelaburan Kerajaan Negeri dan mewakili Negeri Selangor dalam aktiviti ekonomi dan perniagaan yang di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Ia memainkan peranan untuk mempromosikan dan menyokong usaha pembangunan Kerajaan Negeri serta melaksanakan tanggungjawab sosial kepada rakyat.

Berikut adalah perincian bagi fungsi dan peranan anak-anak syarikat di bawah Kumpulan MBI:-

ANAK SYARIKAT DI BAWAH KUMPULAN MBI		
Bil .	Nama Syarikat	Fungsi dan Peranan
1.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	Menguruskan pengeksplorasi, pengekstrakan, pengeluaran dan penjualan pasir dan sumber mineral di Negeri Selangor.
2.	Permodalan Negeri Selangor Berhad	Syarikat pegangan pelaburan, pembangunan hartanah dan perkhidmatan.
3.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad	Kelab Golf dan Rekreasi.
4.	Communication Corporation Sdn Bhd	Media rasmi Kerajaan Negeri Selangor.
5.	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	Institusi Pendidikan Tinggi
6.	Inpen (Selangor) Sdn Bhd	Institusi Pendidikan (TVET)
7.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	Syarikat pegangan pelaburan.
8.	Invest Selangor Berhad	Menyediakan khidmat profesional dan penyelesaian terunggul kepada para pelabur, menjadi organisasi yang berdasarkan pengetahuan yang memacu kearah pelaburan baru, dan menjadi organisasi yang berdasarkan pemikiran berkualiti dan menyediakan mutu kerja terunggul setiap masa.
9.	Rantaian Mesra Sdn Bhd	Mempromosikan Program Inisiatif Peduli Rakyat.

10.	Yayasan Warisan Anak Selangor	Mewujudkan, menganjurkan, mentadbir dan menyelenggara suatu dana yang dikenali sebagai "Tabung Warisan Anak Selangor" untuk digunakan bagi memberi faedah dan kebajikan rakyat Selangor yang lahir dan didaftarkan di Negeri Selangor pada dan selepas 1 Januari 2008.
-----	-------------------------------	--

<b>ANAK SYARIKAT DI BAWAH KUMPULAN MBI</b>		
<b>Bil</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Fungsi dan Peranan</b>
11.	Yayasan Hijrah Selangor	Mewujudkan, mentadbir dan menyelenggara suatu dana yang dikenali sebagai Tabung Dar Al Qard Al Hasan Selangor yang digunakan bagi memberi faedah dan kebajikan rakyat Selangor subjek daripada Sultan Selangor.
12.	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd	Terlibat dalam pelaburan, perdagangan peralatan sukan dan pengurusan aset.
13.	SRM Setia Sdn Bhd	Projek jangka masa panjang bagi penyelenggaraan dan membaik pulih jalan bagi Zon 1, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.
14.	Darul Ehsan Investment Group Berhad	Pelaburan
15.	Tourism Selangor Sdn Bhd	Ejen pelancongan, pengurusan resort dan promosi tempat-tempat pelancongan di Negeri Selangor.
16.	SMARTSEL Sdn Bhd	Infrastruktur IT dan telekomunikasi kluster ekonomi dan aktiviti menyediakan infrastruktur untuk hosting, perkhidmatan pemprosesan data dan aktiviti yang berkaitan.
17.	Landasan Lumayan Sdn Bhd	Syarikat pegangan pelaburan, kontraktor dan pemaju am bagi Projek Selangor Maritime Gateway.

18.	KDEB Waste Management Sdn Bhd	Syarikat pegangan pelaburan, pemerolehan kompaktor untuk Pihak Berkuasa Tempatan.
19.	SSDU Innovations Sdn Bhd	Melibatkan perundingan teknologi, pengurusan projek, penciptaan harta intelektual, pembangunan teknologi/eksplorasi dan big data analytics untuk Aplikasi Bandar Pintar (Smart City).

SYARIKAT BERSEKUTU DI BAWAH KUMPULAN MBI		
1.	Yakin Telesel Sdn Bhd	Menjalankan aktiviti struktur rangkaian telekomunikasi dan aktiviti yang berkaitan.

- c) Setiap anak syarikat Kerajaan Negeri mempunyai KPI tersendiri untuk dicapai. KPI di setiap anak syarikat bergantung kepada fungsi dan peranan masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL**  
**(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PELABURANG LANGSUNG ASING ( FDI )**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik pelaburan langsung asing ( FDI ) ke Negeri Selangor bagi tahun 2019 berbanding tahun 2018?
- b) Apakah cadangan Kerajaan Negeri untuk menarik minat pelabur luar untuk melabur ke Negeri Selangor bagi tahun 2020?

**JAWAPAN:**

- a) Statistik pelaburan langsung asing (FDI) ke Negeri Selangor bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 adalah sebanyak RM 3,815,659,559 (RM 3.82 bilion) berbanding RM 1,571,251,250 (RM 1.57 bilion) yang direkodkan bagi tempoh yang sama bagi tahun 2018. Secara perbandingan, nilai pelaburan asing bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 meningkat sebanyak 59% berbanding Januari hingga Jun tahun 2018.
- b) Usaha untuk menarik pelaburan pelabur luar merupakan usaha yang dilaksanakan secara berterusan. Antara cadangan program – program yang akan dilaksanakan bagi tahun 2020 adalah seperti berikut;-

**1. Strategi jangka masa panjang;**

- i. Melaksanakan perancangan pelan perancangan strategik sektor perindustrian yang telah diterbitkan.
- ii. Merangka dan memacu hala tuju pembangunan perindustrian melalui **Majlis Mesyuarat** yang ditubuhkan seperti;-
  1. Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC)
  2. Selangor Halal Council
  3. Selangor Aerospace Council
  4. Selangor BioTech Council

- iii. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program misi pengalakkan pelaburan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara-Negara yang berpotensi dan yang telah dikenal pasti.
- iv. Program promosi melalui media cetak dan elektronik.
- v. Mewujudkan jaringan hubungan atau networking dengan agensi-agensi yang berkaitan (agensi kerajaan, kedutaan, Dewan-Dewan Perniagaan dalam dan luar Negara).
- vi. Mewujudkan rakan hubungan strategik dengan agensi-agensi yang berkaitan.
- vii. Cadangan pengelasan kawasan perindustrian mengikut standard kawasan perindustrian luar Negara bagi menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif mengikut keperluan industri.
- viii. Mewujudkan kawasan perindustrian yang selesa dan kondusif berkonsepkan *Managed Industrial Parks*.
- ix. Penganjuran ekspo dan forum bertaraf antarabangsa.
- x. Penerbitan buku panduan *Doing Business in Selangor : A Guide Book for Investors*

## **2. Strategi jangka masa pendek:-**

- i. Penjenamaan dan mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian yang berpotensi melalui media cetak atau elektronik.
- ii. Pengemaskinian dan penyediaan buku panduan pelaburan yang komprehensif dan mudah untuk dijadikan bahan rujukan para pelabur.
- iii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu – isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelaras Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.
- iv. Memperkasakan peranan Unit Pelaburan PBT bagi membantu para pelabur dalam proses kelulusan pembangunan.

- v. Menyediakan peruntukan khusus bagi penyelenggaran kawasan perindustrian di setiap PBT.
- vi. Mengadakan *Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC)* di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu menyelesaikan isu-isu kawasan perindustrian yang dihadapi oleh pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI**  
**(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : ISU SISA ELEKTRONIK (E-WASTE)**

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri terhadap sisa elektronik (e-waste)?
- b) Apakah kaedah sistem pelupusan yang diamalkan di Selangor untuk melupuskan sisa elektrik (e-waste) tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) "E-waste" adalah perkakas elektronik elektrik yang rosak, tidak berfungsi atau lama / usang seperti TV, PC, penghawa dingin, mesin basuh dan peti sejuk. Bagi "e-waste" yang berpunca dari industri perkilangan, ianya dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Buangan Terjadual) 2005 di mana pengurusannya perlu mengikut peraturan tersebut daripada penghasilan hingga ke pelupusannya.

Manakala bagi e-waste yang dihasilkan daripada isi rumah, ianya digalakkan untuk dilupuskan di pusat-pusat kitar semula yang diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak swasta. E-waste yang dikumpulkan di pusat kitar semula akan dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh JAS. Peraturan mengenai kawalan ke atas e-waste isi rumah ini sedang dirangka oleh JAS.

- b) Di Malaysia e-waste disenaraikan sebagai buangan terjadual mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Bagi buangan e-waste yang dihasilkan dari industri perkilangan ianya akan dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh JAS. Di Negeri Selangor terdapat sebanyak 21 premis pemerolehan kembali yang dilesenkan untuk mengendalikan buangan e-waste secara separa dan 2 premis menjalankan kemudahan pemerolehan kembali e-waste secara penuh.

Sistem pelupusan buangan sisa elektrik (e-waste) yang diamalkan di Selangor pada masa ini bagi e-waste dari isi rumah adalah melibatkan Pihak Berkuasa

Tempatan (PBT) dan pihak swasta. Setiap PBT telah mengenalpasti Pusat Kitar Semula di kawasan masing-masing, di mana Pusat Kitar Semula ini akan bertindak sebagai pusat pengumpulan (collection center) bagi buangan e-waste yang diterima daripada orang ramai. Buangan e-waste ini kemudian akan diambil oleh premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi tujuan kitar semula.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PROGRAM BLUEPRINT PEMBASMIAN KEMISKINAN**

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan jumlah terkini penerima bantuan tersebut mengikut DUN dan nyatakan jumlah penerima bantuan yang gagal mencapai tahap yang ditetapkan Kerajaan Negeri?
  - Berapa lamakah masa yang diambil untuk meluluskan sesuatu permohonan?
  - Adakah peruntukan akan ditambah bagi program ini bagi tahun 2020?

**JAWAPAN:**

- Sepertimana semua sedia maklum, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi. Program ini bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penjanaan/ peningkatan pendapatan bagi golongan masyarakat/ individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan.

Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan adalah program bantuan yang dilaksanakan mengikut daerah di mana borang permohonan perlu dikemukakan ke Pejabat Daerah/ Tanah untuk diproses. Berdasarkan rekod, jumlah permohonan yang diluluskan dan telah berjaya menerima mesin/ peralatan bagi tahun 2019 adalah seramai 422 orang. Ia melibatkan peruntukan yang telah disalurkan ke sembilan buah daerah sebanyak RM1,613,750.00 (Satu Juta, Enam Ratus Tiga Belas Ribu, Tujuh Ratus Lima Puluh Ringgit).

Manakala jumlah penerima bantuan yang lulus dan gagal bagi tahun 2019 mengikut daerah adalah seperti berikut :-

BIL.	DAERAH	JUMLAH PERMOH ONAN LULUS	JUMLAH PERMOH ONAN GAGAL	JUMLAH KESELUR UHAN PEMOHON
1	GOMBAK	20	24	44
2	HULU SELANGOR	46	20	66
3	KUALA LANGAT	58	21	79
4	HULU LANGAT	48	32	80
5	KLANG	32	7	39
6	KUALA SELANGOR	29	13	42
7	PETALING	16	5	21
8	SABAK BERNAM	75	46	121
9	SEPANG	98	32	130
<b>JUMLAH</b>		<b>422</b>	<b>200</b>	
<b>JUMLAH KESELURUHAN PERMOHONAN</b>				<b>622</b>

Sumber : *Database*, Seksyen Sektoral UPEN sehingga Oktober 2019

- b) Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan akan dilaksanakan sebanyak dua (2) kali setahun iaitu pada bulan Februari dan bulan Julai. Namun begitu, pemilihan kali kedua adalah tertakluk kepada baki peruntukan sedia ada. Berhubung dengan berapa tempoh masa yang diambil untuk meluluskan sesuatu permohonan, Seksyen Sektoral, Unit Perancang Ekonomi Negeri berpegang kepada Piagam Pelanggan iaitu memproses permohonan Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan (dokumen lengkap) di dalam tempoh 3 bulan. Untuk makluman Y.B, Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan kali pertama tahun 2019 untuk sembilan (9) buah daerah telah diadakan pada 11 Februari hingga 22 Februari 2019 dan waran peruntukan bagi pembelian peralatan/ mesin telah disalurkan kepada Pejabat Daerah/ Tanah bermula pada 26 Mac hingga 18 Mei 2019 selaras dengan tempoh piagam pelanggan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, proses untuk meluluskan permohonan bagi program ini dilakukan dengan begitu terperinci dan telus. Ianya adalah untuk memastikan pemohon yang bakal menerima bantuan ini adalah dari kalangan rakyat yang benar-benar layak sahaja. Bermula dengan proses siasatan yang dijalankan oleh Pejabat Daerah/ Tanah, satu kertas kerja lengkap akan

dibentangkan oleh Pejabat/ Daerah Tanah ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan untuk dipertimbangkan. Selepas itu, Seksyen Sektoral perlu meneliti satu persatu borang permohonan termasuklah dengan menelefon setiap pemohon bagi membuat pengesahan peralatan/ mesin yang dipohon, menyemak dokumen sokongan di borang permohonan, meneliti setiap anggaran harga peralatan/ mesin dan memasukkan setiap data permohonan ke dalam sistem pangkalan data sebelum satu kertas kelulusan disediakan bagi penyaluran waran ke Pejabat Daerah/ Tanah untuk proses pembelian peralatan/ mesin. Segala proses tersebut adalah rumit dan terperinci namun ianya adalah satu keperluan dalam memastikan setiap permohonan diproses mengikut tatacara yang lengkap sejajar dengan objektif dan sasaran program bantuan ini.

- c) Berhubung dengan persoalan adakah peruntukan Program Bantuan *Bleuprint* Pembasmian Kemiskinan akan ditambah pada tahun 2020, Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi sentiasa mengharapkan agar peruntukan tahunan sebanyak RM2 juta ini ditambah memandangkan saban tahun semakin banyak permohonan yang diterima tambahan pula dengan kenaikan kos peralatan/ mesin.

Selain daripada itu, bermula pada tahun 2020 Jawatankuasa ini merancang untuk melaksanakan program pengupayaan pendapatan melalui penyediaan kursus kemahiran keusahawanan secara berfasa. Kursus tersebut meliputi aspek pengurusan kewangan, kaedah pemasaran secara *online*, pensijilan, pembungkusan produk, penjenamaan dan lain-lain. Ini bagi memastikan penerima-penerima bantuan bersedia untuk meningkatkan pendapatan diri dan perniagaan ke satu tahap yang lebih tinggi serta dapat memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk bergelar usahawan mikro mahupun usahawan *Selangor Information Technology And E-Commerce Council* (SITEC) di dalam talian pada masa akan datang.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

Jika terdapat kes-kes terpencil atau khas, sesuatu permohonan itu boleh terus dibawa oleh Pejabat Daerah/ Tanah ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan dari semasa ke semasa untuk dipertimbangkan.

Selain daripada itu, tempoh masa yang diambil untuk meluluskan sesuatu permohonan adalah sekitar tiga bulan iaitu bermula daripada tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan diadakan sehingga tarikh waran peruntukan bagi pembelian peralatan/ mesin disalurkan Pejabat Daerah/ Tanah.

Sehubungan dengan itu, adalah dimakluman juga bahawa proses pembelian peralatan/ mesin ini melibatkan perolehan kewangan tertentu yang kebiasaannya akan memakan masa melebihi tiga bulan. Namun begitu ianya tertakluk kepada proses kewangan yang dilaksanakan oleh setiap pejabat/ Daerah Tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : MPKK KAMPUNG TRADISI**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) MPKK setiap kampung tradisi mempunyai pendapatan yang berbeza-beza tertakluk kepada prasarana dan kemudahan yang ada persoalannya bagaimana dengan mpkk kampung tradisi yang kurang prasarana dan kemudahan untuk menambah pendapatan bagi mengadakan program kemasyarakatan. Adakah EXCO merancang untuk menambah peruntukan?

**JAWAPAN:**

- a) Majlis Pembangunan Komuniti Kampung (MPKK) merupakan jentera pentadbiran di peringkat akar umbi yang dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk membantu serta memudahkan pengurusan pentadbiran, memantau dan mengagih pembangunan secara menyeluruh serta adil kepada semua penduduk kampung. Ia juga berperanan membantu melaksanakan agenda dan dasar-dasar Kerajaan untuk melahirkan komuniti yang berdaya maju, berdaya saing dan cemerlang. Perlu ditekankan bahawa MPKK yang diwujudkan di setiap kampung tradisi ini adalah satu organisasi **bukan** untuk menjana pendapatannya (*non-profit organization*) sendiri.

Untuk makluman kepada semua Yang Berhormat Ahli Dewan, pada masa ini peruntukan yang diberikan kepada setiap Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) adalah sebanyak RM20,000.00. Perkara ini selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 18 / 2018 yang bersidang pada 27 Jun 2018 dan disahkan oleh MMKN Ke 19 / 2018 pada 4 Julai 2018 yang bersetuju dengan cadangan **kenaikan peruntukan pembangunan daripada RM10,000.00 kepada RM20,000.00**. Keputusan ini melibatkan 371 JKKK (sekarang dikenali sebagai MPKK) Kampung Tradisi yang berkuat kuasa 1 Januari 2018 di mana peruntukan tersebut disalurkan terus kepada semua Pejabat Daerah Dan Tanah di Negeri Selangor oleh Perbendaharaan Negeri Selangor.

Peruntukan Kerajaan Negeri ini bertujuan untuk membiayai penganjuran program-program kemasyarakatan yang melibatkan penduduk kampung di kawasan masing-masing. Antara aktiviti dan program yang boleh dilaksanakan ialah seperti program gotong-royong, Majlis Jamuan Hari Raya, Majlis penyerahan sumbangan

kepada penduduk kampung yang kurang mampu, serta lain-lain program kemasyarakatan yang bersesuaian.

Tuan Speaker,

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Jun 2018 telah bersetuju untuk memperkenalkan insentif baharu kepada MPKK iaitu geran pembangunan berskala kecil dengan jumlah tidak melebihi RM10,000 setahun dan siling peruntukan tidak melebihi RM100 juta setahun. Peruntukan ini dijangka akan memberikan manfaat kepada 10,000 MPKK di seluruh Malaysia. Urusan kawalan dan pengurusan kepada penggunaan peruntukan ini adalah dibawah seliaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan dibantu oleh agensi KPLB iaitu Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sebagai penggerak.

Pemberian geran ini menekankan kepada konsep penggembangan tenaga serta penglibatan aktif penduduk kampung itu sendiri dalam proses perancangan dan pelaksanaan program komuniti di kampung mereka. Ia juga akan menjadi suatu gerakan memperkasakan rakyat dan mengoptimumkan potensi masyarakat itu sendiri. Skop Geran yang disediakan adalah seperti berikut:

1. Program yang menjana pendapatan ekonomi masyarakat kampung;
2. Program keceriaan kampung; atau/ dan
3. Program kesejahteraan kampung.

MPKK boleh memilih untuk melaksanakan satu (1) atau lebih program dibawah satu (1) skop atau gabungan beberapa skop yang telah ditetapkan dalam setiap permohonan dengan syarat tidak melebihi had nilai geran iaitu RM10,000. Program yang ingin dilaksanakan mestilah tidak bertindih dengan program yang telah disediakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) serta projek-projek pembangunan fizikal di bawah Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM).

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa jumlah peruntukan yang diterima oleh MPKK pada ketika ini iaitu RM20,000.00 daripada peruntukan Kerajaan Negeri dan RM10,000.00 melalui permohonan Geran Majlis Pengurusan Komuniti Kampung KPLB yang berjumlah keseluruhan RM30,000.00 adalah memadai dan bersesuaian dengan situasi dan keadaan semasa.

Adalah diharapkan peruntukan yang disediakan tersebut akan dapat menjadikan MPKK Negeri Selangor sebagai sebuah institusi Kerajaan di peringkat akar umbi

yang berkeupayaan dan bertanggungjawab terhadap kesejahteraan masyarakat kampung serta memberi manfaat kepada seluruh kampung menerusi pelaksanaan program yang bersesuaian dengan keperluan sebenar masyarakat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN**  
**(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PENGUNJUNG DOMESTIK**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah pengunjung domestik ke tempat pelancongan di Negeri Selangor?
- b) Apakah usaha kerajaan untuk menarik lebih pelancong ke Negeri Selangor daripada mereka ke luar negara?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah Kedatangan Pelancong Domestik ke Negeri Selangor bagi **Tahun 2018** adalah sebanyak **4.01 juta orang pelancong** dimana ianya menyumbang sebanyak **55%** daripada jumlah keseluruhan pelancong ke Negeri Selangor bagi tahun berkenaan.

Manakala bagi tempoh **Januari hingga Jun tahun 2019** ini jumlah kedatangan pelancong domestik ke Negeri Selangor adalah sebanyak **1.86 juta orang pelancong**. Prestasi kedatangan pelancong domestik tersebut meningkat sebanyak **4%** berbanding catatan kedatangan pelancong domestik bagi tempoh yang sama pada tahun 2018 yang lalu.

Tourism Selangor giat menjalankan aktiviti-aktiviti mempromosikan destinasi-destinasi pelancongan atau produk-produk pelancongan kepada pasaran domestik melalui :-

- i) Penyertaan Tourism Selangor melalui siri promosi dalam negara seperti Matta Fair, Mita Fair dan lain-lain program promosi yang mensasarkan pasaran pelancong domestik di dalam Malaysia.
- ii) Tourism Selangor pada tahun 2019 ini telah mengadakan program Skuad Kembara Sekolah dimana Tourism Selangor telah membuat kunjungan ke sekolah-sekolah di Negeri Selangor bagi memperkenalkan lagi destinasi-destinasi pelancongan yang terdapat di Negeri Selangor kepada guru-guru dan para pelajar di samping membawa bersama produk pelancongan sekitar Negeri Selangor. Ini merupakan program interaktif yang dijalankan oleh

Tourism Selangor bagi memberi kesedaran dan menggalakkan pelancongan domestik di kalangan masyarakat tempatan ke Negeri Selangor. Program ini turut telah mendapat sokongan yang amat padu dari pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan telah mendapat pengiktirafan melalui sijil penyertaan yang telah dikeluarkan kepada para pelajar yang mengambil bahagian.

- iii) Kerjasama dengan Tourism Malaysia dan syarikat penerbangan seperti Malindo Air dan Air Asia di dalam menganjurkan program “Familiarization Trip” atau FAM Trip kepada agensi pelancongan luar dari Negeri Selangor untuk melawak ke produk-produk pelancongan di Negeri Selangor dan kemudiannya agensi-agensi berkenaan akan menghasilkan pakej-pakej pelancongan Negeri Selangor untuk ditawarkan kepada pasaran pelancong domestik di Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PRODUKTIVITI PERTANIAN**

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menggalakkan peningkatan produktiviti dan hasil pertanian serta pendapatan para petani dan pekebun kecil?
- b) Apakah tanaman dan produk pertanian utama yang menjadi fokus pembangunan pertanian di Daerah Kuala Selangor serta jumlah pengeluaran dan pendapatannya?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian sentiasa membantu dari segi keperluan input, peralatan dan khidmat nasihat kepada golongan petani bagi meningkatkan pendapatan mereka. Pelbagai program dilaksanakan termasuk pembangunan industri padi, kelapa, sayur, buah, cendawan, herba, madu dan tanaman hiasan. Kerajaan Negeri turut mengenalpasti produk pertanian yang memberi pulangan tinggi seperti tanaman roselle, lemon myrtle, nanas MD2, halia Bentong dan melon bernilai tinggi.
- b) Tanaman dan produk utama yang menjadi fokus pembangunan pertanian di Daerah Kuala Selangor adalah seperti berikut:

i. Tanaman buah dan sayur

JENIS TANAMAN	PENGELUARAN (kg)	NILAI PENGELUARAN (RM)		PURATA PENDAPATAN PETANI/BULAN (RM)	
		KASAR	BERSIH	KASAR	BERSIH
Rock Melon (Fertigasi)	305,435.0	1,147,198.2	774,448.2	9,559.98	6,453.74
Cendawan Tiram	223,816.7	1,891,532.5	888,552.5	15,762.77	7,404.6
Cili (Fertigasi)	106,129.0	298,037.0	199,718.0	2,257.86	1,513.02

ii. Tanaman padi

JENIS TANAMAN	PENGELUARAN (tan)	PURATA HASIL (tan/ha/musim)	PURATA PENDAPATAN KASAR (petani/bulan/ha) RM
Padi (Kawasan Sawah Sempadan)	21,831.28	4.27	1,110.20
Padi (Kawasan Sungai Burong)	36,932.37	5.62	1,461.20

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : RUMAH IDAMAN RAKYAT SELANGOR**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah status terkini Program Rumah Idaman Rakyat Selangor?
- Apakah kelayakan dan kriteria pemilikan Rumah Idaman Rakyat Selangor?

**JAWAPAN:**

- Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak dua (2) projek perintis Rumah Idaman Rakyat Selangor yang diterajui oleh Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) telah pun diluluskan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha mempelbagaikan penyediaan dan pilihan Rumah Mampu Milik di Negeri Selangor selain projek Rumah Selangorku bagi golongan sasaran B40 & M40. Kedua-dua projek ini kini dalam proses memperoleh kelulusan Kebenaran Pendirian Bangunan (KMB) dan Pelan Bangunan (BP) daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seterusnya mendapatkan Permit Menjual dan Pengiklanan (APDL) daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebelum ianya dapat ditawarkan kepada golongan sasaran. Perincian projek tersebut adalah seperti berikut: -

No	Pemaju	PBT	Status	Jumlah Unit
1	Konsortium PNSB Construction	MPKj	Dalam proses memperoleh kelulusan Kebenaran Merancang (KM)	2,059 Unit
2	Trans Loyal Development	MPKj	Dalam proses memperoleh kelulusan Kebenaran Merancang (KM)	Belum dimuktamadkan
<b>Jumlah</b>				<b>2,059 unit</b>

- b) Rumah Idaman Rakyat Selangor adalah merupakan Rumah Selangorku yang telah dinaiktaraf dengan spesifikasi dan kelengkapan dalaman kediaman seperti jubin, perabot dan sebagainya untuk ditawarkan kepada golongan B40 dan M40 yang belum memiliki kediaman. Sehubungan dengan itu, syarat kelayakan dan kriteria pemilikan Rumah Idaman Rakyat Selangor adalah berdasarkan kepada syarat Rumah Selangorku seperti berikut :
- i. Warganegara Malaysia;
  - ii. Berumur 18 tahun dan ke atas;
  - iii. Pendapatan isi rumah tidak melebihi sehingga RM10,000 sebulan.
  - iv. Pemohon dan pasangan tidak mempunyai sebarang jenis rumah kediaman di Selangor.
  - v. Pemohon atau pasangan yang telah memiliki rumah kos rendah (Jenis A) selama lima (5) tahun ke atas boleh memohon Rumah Selangorku Jenis B, C dan D dengan syarat mengemukakan surat permohonan bersekali dengan salinan Perjanjian Jual-Beli.
  - vi. Permohonan pindah milik hanya dibenarkan selepas 5 tahun dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri;
  - vii. Pemohon perlu berdaftar di atas talian laman sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : HAL EHWAL ORANG ASLI**

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menggalakkan orang Asli terlibat dengan sistem pendidikan?
  - Berapakah peruntukan daripada pertumbuhan ekonomi kerajaan Negeri yang memberi manfaat kepada pembangunan sosio-ekonomi masyarakat orang Asli?

**JAWAPAN:**

- Untuk Makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri amat menitikberatkan aspek pendidikan yang merupakan asas bagi pembangunan modal insan. Bagi memastikan masyarakat orang asli menerima manfaat daripada Kerajaan Negeri telah menyediakan Tawaran Program Khas Biasiswa Sagong Tasi.

Justeru, pemohon adalah dipelawa untuk memohon Program Khas Biasiswa Selangorku bagi mengikuti pengajian di Universiti Teknologi Mara (Shah Alam, Puncak Alam, Puncak Perdana dan Sungai Buloh), Universiti Islam Antarabangsa (Gombak), Universiti Kebangsaan Malaysia (Bangi), Universiti Putra Malaysia (Serdang), Universiti Selangor (UNISEL), Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dan Kolej Antarabangsa INPENS. Berikut merupakan syarat-syarat kelayakan permohonan:

**(a) SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

Bil.	Syarat-Syarat Permohonan	Keterangan
1.	<b>Kelahiran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemohon dan Ibu Bapa merupakan <b>WARGANEGARA Malaysia</b>; dan</li> <li>ii. Pemohon mestilah <b>ditakrifkan sebagai Orang Asli</b> mengikut Akta 134 – Akta Orang Asli Tahun 1954;</li> <li>iii. Pemohon <b>lahir di Negeri Selangor</b>; atau</li> <li>iv. Ibu atau Bapa <b>lahir di Negeri Selangor</b>; atau</li> <li>v. Pemohon telah <b>bermastautin lebih dari sebelas (11) tahun di Negeri Selangor</b> dengan pengesahan daripada ADUN/ Penghulu/ Pengerusi JKKK/ Ketua Kampung.</li> </ul>
2.	<b>Peringkat Pengajian</b>	Pemohon telah mendaftar pengajian <b>DIPLOMA</b> atau <b>IJAZAH SARJANA MUDA</b> secara <b>SEPUHU MASA</b> di IPT berkenaan <i>(pengajian secara jarak jauh (PJJ)/ luar kampus (PLK) tidak layak memohon)</i>
3.	<b>Penajaan</b>	Pemohon yang <b>BELUM MENERIMA SEBARANG PINJAMAN/ BIASISWA/ BANTUAN KEWANGAN</b> dari lain-lain penaja
4.	<b>Pencapaian Akademik</b>	Pemohon yang memperoleh pencapaian akademik yang baik akan diberi keutamaan
5.	<b>Tahun Pengajian</b>	Pemohon <b>BUKAN PELAJAR TAHUN AKHIR PENGAJIAN</b> / diberi tempoh pelanjutan pengajian.

**(b) SYARAT AKADEMIK**

Bil.	Peringkat Pengajian	Kelayakan Akademik
1.	<b>Ijazah Sarjana Muda Pertama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memperoleh kelayakan Sijil Tahun Asas/ Pra-Ijazah/ Matrikulasi/ Diploma dengan <b>kelulusan PNGK/ CGPA 2.50</b> ke atas; atau</li> <li>ii. Memperoleh sekurang-kurangnya <b>empat (4) Gred C</b> dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat <b>STPM</b>; atau</li> <li>iii. Memperoleh sekurang-kurangnya <b>lima (5) kelulusan (jayyid)</b> dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat <b>STAM</b>.</li> </ul>
2.	<b>Diploma</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperoleh sekurang-kurangnya <b>lima (5) kepujian</b> dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat <b>SPM</b>; atau</li> <li>• Memperoleh kelayakan Sijil dengan <b>kelulusan PNGK/ CGPA 2.50</b> ke atas.</li> </ul>

**(c) KADAR PEMBIAYAAN BIASISWA**

1. **Yuran Pengajian** adalah mengikut kadar sebenar yuran pengajian dan akan dibayar terus kepada pihak Universiti
2. **Elaun Sara Diri** berjumlah RM600.00 sebulan yang akan dikreditkan terus ke akaun pelajar.

**(d) PROSEDUR PERMOHONAN**

1. Permohonan adalah secara manual sahaja. Borang Permohonan boleh dimuat turun di laman web rasmi Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor di <http://tkwbn.sselangor.gov.my>;

2. Permohonan yang berjaya sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga;
  3. Hanya pemohon yang berjaya di dalam sesi temuduga sahaja akan ditawarkan Biasiswa;
  4. Panggilan sesi temuduga dan keputusan permohonan perlu disemak melalui laman web rasmi Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor di <http://tkwbn.sselangor.gov.my>;
  5. Permohonan dianggap TIDAK BERJAYA sekiranya tiada maklum balas dalam tempoh SEBULAN selepas tarikh tutup permohonan.
- b) Kerajaan Negeri mengambil berat berkaitan hal ehwal Orang Asli di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri juga mengambil maklum akan perkara yang dibangkitkan oleh saya berkaitan surat yang diterima oleh JAKOA Selangor yang menyatakan bahawa peruntukan bagi tahun 2019 hanya tertumpu di negeri Perak dan Pahang sahaja.
- Sehubungan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersetuju agar Jawatankuasa Khas Pengurusan Orang Asli Negeri Selangor diletakkan di bawah Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar. Bagi tahun 2020 sejumlah Lima Ratus Ribu Ringgit (RM500,000.00) telah diperuntukkan bagi tujuan pembangunan modal insan dan kebajikan Orang Asli seperti membaik pulih rumah serta peningkatan kesihatan dan ekonomi Orang Asli berbanding hanya Satu Ratus Ribu Ringgit (RM100,000.00) sahaja peruntukan Pembangunan Orang Asli pada tahun 2019.

Kerajaan Negeri Selangor akan memastikan usaha pembangunan di negeri ini dilaksanakan secara seimbang dan menyeluruh termasuk di kawasan luar bandar dan di perkampungan Orang Asli.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PROJEK PENCAHAYAAN KAMPUNG TRADISI**

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek pencahayaan di kampung tradisi Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi projek pencahayaan di Kampung Tradisi Negeri Selangor dari tahun 2015 sehingga kini?

**JAWAPAN:**

Penyaluran peruntukan dari Seksyen Agihan dan Pembangunan yang disalurkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah untuk lampu jalan adalah RM 342,528.50 dari tahun 2015 hingga 2019. Penyaluran peruntukan adalah berdasarkan permohonan dari Pejabat Daerah dan Tanah. Maklumat yang dikemukakan adalah untuk keseluruhan permohonan lampu jalan termasuk permohonan daripada Kampung Tradisi. Senarai jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah bagi tujuan menyelenggara dan membaik pulih lampu jalan di jalan luar bandar bagi tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti berikut:

Bil	Agensi	Tahun Peroleh Peruntukan	Jumlah Peruntukan (RM)
1.	PDT Petaling	-	-
2.	PDT Klang	-	-
3.	PDT Gombak	2017	41,287.00
4.	PDT Hulu Langat	-	-
5.	PDT Kuala Selangor	2018	301,241.50
6.	PDT Kuala Langat	-	-
7.	PDT Hulu Selangor	-	-
8.	PDT Sepang	-	-
9.	PDT Sabak Bernam	-	-
<b>Jumlah</b>			<b>342,528.50</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN LIM YI WEI**  
**(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PENDAFTARAN E-KASIH DI SELANGOR**

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dengan kerjasama yang lebih rapat antara Kerajaan Negeri dan ICU, apakah tempoh masa maksimum untuk memproses dan meluluskan/menolak satu pendaftaran e-Kasih?

**JAWAPAN:**


- a) Proses pendaftaran eKasih melibatkan lawatan bancian verifikasi dan kemasukan data ke dalam sistem eKasih (*data entry*) bagi yang layak mengambil masa maksimum 6 bulan untuk setiap permohonan yang lengkap.

Proses pengesahan permohonan eKasih melibatkan proses seperti berikut:

- i. Tapisan awal pendaftaran – semakan dokumen permohonan & dokumen sokongan (maksimum 1 bulan)
- ii. lawatan bancian verifikasi di rumah pemohon (3 bulan) dan
- iii. kemasukan data ke dalam sistem eKasih (*data entry*) bagi yang layak mengambil masa maksimum 2 bulan untuk setiap permohonan yang lengkap.

Maklumat Tambahan : Proses Kerja Verifikasi di **Lampiran 1**

Lampiran 1



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : GERAN TAHUNAN**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan berhasrat untuk memberikan geran tahunan kepada persatuan belia dan sukan yang terdapat dalam Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sentiasa menitik berat pembangunan belia yang bergerak samada melalui persatuan ataupun sebaliknya. Justeru itu, Kerajaan mengambil tanggungjawab untuk mendekati semua kategori belia samada yang di anggap aktif, pasif mahupun sebaliknya. Populasi belia adalah merangkumi hampir separuh daripada bilangan penduduk Selangor.

Umur	2018	2019
15-30	1,601,700 orang	1,558,400 orang
15-40	3,118,700 orang	2,953,900 orang

*Sumber: Cawangan Pengurusan Data, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IYRES)*

Untuk rekod, statistik pertubuhan belia di negeri mencatatkan:-

- i) 1,369 pertubuhan belia yang masih aktif; manakala
- ii) 321 pertubuhan belia telah terbatal.

*Sumber: Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Selangor*

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa sikap inklusif ini akan turut mengambil kira pandangan dan aspirasi trending *Independent Youth* / Belia yang semakin popular sejak akhir-akhir ini yang tidak bergerak secara organisasi atau tersusun sekaligus memastikan pembangunan belia secara holistik.

Bagi persatuan belia, Kerajaan Negeri Selangor bersedia membantu Badan – badan Bukan Kerajaan (NGO) di Negeri ini untuk menjalankan program-program berbentuk pembangunan belia dan kesukanan sesuai dengan keperluan generasi muda masa kini.

Manakala bagi persatuan sukan, Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) menyediakan peruntukan tahunan.

Sehubungan itu, satu program berbentuk pemberian sumbangan berjumlah RM50,000.00 bagi seluruh Negeri Selangor telah diwujudkan di bawah peruntukan Bantuan NGO Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan khusus untuk membantu NGO-NGO di Negeri Selangor agar terus melaksanakan aktiviti - aktiviti untuk generasi muda dan kesukanan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : KEMPEN BEBAS PLASTIK**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kos Kerajaan Negeri dalam program bebas plastik #Bebasstrawplastik bagi tujuan memelihara alam sekitar?
- b) Senaraikan aktiviti dan program yang dianjurkan Kerajaan Negeri dalam usaha memelihara alam sekitar untuk tahun 2019 dan kos operasi?

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) dijawab bersekali.

Kerajaan Negeri telah menganjurkan pelbagai program berkaitan Kempen Bebas Plastik dan kesedaran alam sekitar melalui pelbagai agensi kerajaan termasuklah persatuan/NGO dan dua belas (12) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi pelaksanaan di seluruh negeri Selangor. Antara program yang dilaksanakan di setiap PBT termasuklah Karnival Jelajah Kepenggunaan dan Program Bazar Ramadhan Mampan yang fokus utamanya adalah bagi mempromosi dan mempergiat Kempen Bebas Plastik serta kempen-kempen kepenggunaan dan kempen berkaitan alam sekitar yang lain. Pihak PBT juga giat menjalankan promosi secara berterusan melalui hebahan kempen melalui siaran digital, papan iklan (*billboard*), kain rentang dan gegantung di sekitar kawasan pentadbiran PBT. Jumlah pelaksanaan program-program dengan kerjasama ini adalah sebanyak RM456,000.00 yang disalurkan kepada 12 PBT di seluruh negeri Selangor.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui pihak PBT turut melaksanakan program-program berkaitan alam sekitar di peringkat PBT masing-masing seperti Program Hari Pembersihan Pantai, Karnival Alam Sekitar Sambutan Hari Sungai Sedunia Dan Gotong Royong Pembersihan Sungai, Program Bank Kitar Semula Di Sekolah, Program Ecobrick – Jalur Gemilang, Program Kesedaran Dan Taklimat 3R, dan Kempen Kutipan Dan Pengumpulan Minyak Masak Terpakai.

Pada masa yang sama, pihak Kerajaan Negeri juga telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna Negeri Selangor (KPDNHEP), pihak sekolah, persatuan / NGO dan Gerakan Pengguna Daerah di Negeri Selangor bagi pelaksanaan program-program berkaitan hal ehwal pengguna dan alam sekitar termasuklah program Karnival Kepenggunaan Siswa Selangor 2019 dan Program Kesedaran Kepenggunaan & ‘No Straw’ dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM20,000.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD**  
**(N11 IJOK)**

**TAJUK : YAYASAN SELANGOR**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila jelaskan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Yayasan Selangor. Adakah pelantikan tersebut mengikut perlembagaan syarikat?
- b) Sila jelaskan pendapatan yang diperuntukkan kepada CEO Yayasan Selangor.
- c) Sila jelaskan status kewangan Yayasan Selangor dan status peruntukan yang diberi untuk tujuan pendidikan.

**JAWAPAN:**

- a) Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) adalah mengikut perlembagaan syarikat dan diluluskan pada Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor yang bersidang pada tarikh 4 Julai [2019](#).
- b) Berdasarkan para 24, Memorandum And Articles of Association of Yayasan Selangor, 26<sup>th</sup> June [2003](#), memberi kuasa kepada Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor untuk melantik dan menentukan emolumen pegawai ke perkhidmatan di Yayasan Selangor.
- c) Status kewangan Yayasan Selangor (YS) berada dalam keadaan boleh terus beroperasi (*going concern*). Peruntukan pendidikan mencatatkan 51.24% daripada jumlah pendapatan Yayasan Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN**  
**(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PROJEK LOJI RAWATAN AIR LANGAT 2**

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 dan projek-projek paip dan tangki air yang berkaitan?

**JAWAPAN:**

- a) Status terkini :

1. Projek Langat 2 ini dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli (KATS) yang dahulunya Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Berdasarkan kepada maklumat yang diperoleh dari PAAB, status pembinaan Loji Rawatan Air Fasa 1 setakat 30 September 2019 adalah seperti berikut:-

<b>Jadual %</b>	<b>Sebenar %</b>	<b>Perbezaan %</b>
83.76%	78.61%	-5.16%

2. Bagi pembinaan loji, kerja-kerja pembinaan telah mencapai 95% berbanding jadual 100%. Dalam melaksanakan pembinaan loji, ia telah pecahkan kepada dua stream, Stream A dan Stream B. Setiap stream dipecahkan kepada Seksyen 1 dan Seksyen 2. Stream A dengan kapasiti 565 JLH telah siap dan sedang menjalani kerja-kerja pengujian dan petaulahan (Testing & Commissioning (T&C) mulai pada 7 Julai 2019 dan dijadualkan tamat pada 31 Disember 2019.
3. Setelah T & C ini tamat dan sempurna mencapai parameter yang ditetapkan di dalam kontrak pembinaan, bekalan air terawat yang dianggarkan sebanyak 565 JLH boleh disalurkan kepada Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) untuk dibekalkan kepada pengguna di kawasan KL Selatan dan Pusat Bandar KL.

4. Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa kerja-kerja yang akan siap hingga tahun 2022 adalah melibatkan tapak pelupusan enap cemar, terowong koridor utara, kolam air Ampang berkapasiti 36 JL. Bagi kerja-kerja pembinaan kolam yang lain, ia akan siap secara berperingkat sebelum tahun 2020.